



# Kebangkitan Industri Penerbangan Malaysia

Industri penerbangan memacu ekonomi global dengan menawarkan lebih daripada 58 juta pekerjaan mencatatkan sebanyak USD2.4 trilion pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global. Satu pertiga daripada semua perdagangan global menggunakan pengangkutan udara. Hal ini menjadikan industri penerbangan sebagai komponen utama perniagaan global.

Industri penerbangan akan mewujudkan sebanyak 34 juta pekerjaan dan aktiviti ekonomi bernilai USD700 bilion. Malah, industri penerbangan dijangka menokok lebih daripada dua kali ganda dalam tempoh 20 tahun di Asia Pasifik.

Industri penerbangan Malaysia dijangka menyumbang kira-kira USD1.97 bilion dan memberikan hasil sebanyak USD6.3 bilion kepada industri pelancongan negara.

Industri penerbangan di Malaysia menyumbang kira-kira 3.3% kepada KDNK dengan mencipta lebih daripada 460 000 peluang pekerjaan.

Data ini jelas membuktikan bahawa pengangkutan udara memacu perdagangan antarabangsa dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Dua tahun lalu, pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut menjejaskan industri penerbangan global. Industri penerbangan global terus terjejas apabila gelombang kedua, ketiga dan keempat COVID-19 melanda dunia. Akibatnya, aliran pendapatan lumpuh, para pekerja diarahkan bercuti, lapangan

terbang ditutup, penghantaran pesawat baharu ditangguhkan, dan pengeluaran pesawat baharu turut digantung.

Pasca-COVID-19, menyaksikan beberapa sektor ekonomi mula menampakkan sinar baharu atau pulih sepenuhnya. Sebaliknya, industri penerbangan belum pulih sepenuhnya. Menurut Kesatuan Penerbangan dan Pengangkutan Antarabangsa atau International Air Transport Association (IATA), syarikat penerbangan global dianggarkan mengalami kerugian hingga USD84.3 bilion. Hal ini sekali gus menjadikan tahun 2020 yang terburuk dalam sejarah sektor penerbangan dunia.

Industri penerbangan negara dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM13 bilion pada tahun 2020, termasuklah kerugian sebanyak RM10.9 bilion yang ditanggung oleh syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines Bhd, AirAsia

Group Bhd dan Malindo Airways Sdn Bhd.

Menurut IATA, pengendali lapangan terbang seperti Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd pula dianggarkan mencatatkan kerugian sebanyak RM2.1 bilion pada tahun 2020. Keadaan tersebut merupakan sejarah terburuk dalam industri penerbangan.

Kini, pada peringkat endemik, prospek industri penerbangan di seluruh dunia kembali menemui rentak kebangkitannya. Jumlah penumpang pesawat mula meningkat apabila banyak negara mula menerima kemasukan pelancong.

Lonjakan penumpang antarabangsa dicatatkan di lapangan terbang di seluruh Malaysia berikutan permintaan yang lebih tinggi setelah sempadan dibuka

semula. Keadaan ini secara tidak langsung, mempergiat operasi syarikat penerbangan negara melalui penyambungan semula penerbangan antarabangsa.

Perkembangan tersebut membayangkan prospek yang cerah kepada industri penerbangan negara, sekali gus mempercepat proses pemulihan industri penerbangan. Jumlah trafik penumpang di lapangan terbang di seluruh negara meningkat lebih daripada enam kali ganda, iaitu sebanyak 20.25 juta orang penumpang pada separuh pertama tahun 2022.

Pada bulan Jun 2022, jumlah pergerakan trafik penumpang Malaysia berjumlah 4.54 juta orang dan membentuk sebanyak 63% daripada jumlah pergerakan penumpang yang mencecah sebanyak 7.21 juta orang.

Secara keseluruhannya, Malaysia merekodkan sebanyak

1.29 juta orang penumpang trafik antarabangsa. Manakala, trafik domestik mencatatkan sebanyak 3.24 juta orang penumpang dalam separuh pertama 2022. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa industri penerbangan berada di landasan yang tepat untuk pulih seperti sedia kala.

Pertumbuhan jumlah penumpang di rantau Asia Pasifik juga diramalkan akan mewakili sebanyak 53% pertumbuhan global dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pada tahun 2040, Airports Council International (ACI) meramalkan pusat penerbangan akan beralih ke bahagian timur. Daripada 10 buah negara di wilayah Asia Pasifik, tujuh buah negara akan mempunyai pegangan pasaran penumpang global.

Dengan kemudahan perhubungan syarikat penerbangan yang kukuh dan penawaran yang meluas ke lebih daripada 130 buah destinasi di seluruh dunia, ditambah dengan kelebihan geografi yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, Malaysia harus bersedia memanfaatkan pertumbuhan ini.

Malaysia juga mempunyai kelebihan apabila menawarkan perkhidmatan penerbangan tempatan dan antarabangsa dengan kos rendah dan berpatutan. Hal ini secara tidak langsung meletakkan Malaysia sebagai hab industri penerbangan yang kukuh dan berdaya saing.

Pada masa yang sama, kos pengoperasian industri ini dilihat memberikan cabaran yang besar kepada pemain industri, terutamanya syarikat penerbangan dari segi pemulihan keuntungan. Harga bahan api jet yang lebih tinggi bermaksud terdapat keperluan untuk melindungi nilai harga bahan api. Harus diingat bahawa lindung nilai turut memerlukan kos.

Selain itu, inflasi yang meningkat mendorong pelancong tempatan lebih berhemat dan teliti merancang perjalanan mereka.

- Isu kekurangan pelancong domestik ke Langkawi dan kecenderungan pelancong tempatan melancong ke negara Thai serta kenaikan harga tambang kapal terbang ke Sarawak dan Sabah menjelang Pilihan raya Umum ke-15 dilihat "gangguan" yang boleh menjejaskan mood masyarakat dan harus diberikan perhatian oleh pemain industri.

Dalam hal yang sama, industri penerbangan dijangka pulih sepenuhnya pada tahun 2024. Menurut Ketua Pengarah IATA, syarikat penerbangan berdaya tahan dan orang ramai terbang dalam jumlah yang lebih besar. Kargo menunjukkan prestasi yang baik walaupun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi. Namun begitu, prasarana sedia ada harus berupaya meningkatkan kecekapan dan prestasi ketepatan masa, sekaligus membolehkan syarikat penerbangan meningkatkan jumlah penerbangan pada satu-satu masa. Situasi ini akan menyumbang kepada pertumbuhan industri

penerbangan tempatan secara keseluruhannya.

Industri penerbangan disifatkan pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Apabila sektor ekonomi dibuka semula, pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan dalam sektor strategik seperti industri penerbangan perlu dipergiat.

Pada masa depan, pertumbuhan industri penerbangan Malaysia dijangka mendapat sokongan daripada aktiviti sosioekonomi serta permintaan domestik dan asing yang kukuh berikutan peralihan negara ke fasa endemik COVID-19 dan pembukaan semula sempadan antarabangsa.

Momentum pertumbuhan industri penerbangan diunjurkan kekal kukuh pada suku keempat tahun 2022 yang dipacu oleh kemajuan yang memberangsangkan dalam pelancongan dan perdagangan luaran. 

